

TARIKH : 27/1/2023

SURAT KHABAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 21

## Industri sawit rugi RM20 bilion akibat kekurangan pekerja

**Industri** sawit negara menanggung kerugian pendapatan mencecah RM20 bilion bagi tempoh 12 bulan tahun lalu susulan isu kekurangan tenaga kerja.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata kekurangan tenaga kerja ini telah menyebabkan produktiviti hasil kelapa sawit terjejas dengan teruk.

Beliau yang juga Menteri Perladangan dan Komoditi (KPK) berkata bagi meningkatkan kembali produktiviti, dianggarkan seramai 63,000 tenaga kerja asing masih diperlukan dalam sektor agrikomoditi terutamanya dalam perladangan sawit.

"Bagi menyelesaikan isu ini, kerajaan telah bersetuju untuk memudahkan proses kemasukan pekerja asing dan melaksanakan Pelan Rekalibrasi PATI 2.0.

"Di samping itu, Kementerian Dalam Negeri (KDN) bersama Kementerian Sumber Manusia (KSM) akan mengadakan perbincangan dengan negara sumber bagi memastikan kemasukan pekerja asing ini dapat dilaksanakan dengan lancar," katanya ketika berucap menyampaikan Amanat Tahun Baharu KPK di Putrajaya, semalam.

Fadillah berkata, disebalik unjuran kelembapan dan pertumbuhan ekonomi global yang rendah, agrikomoditi sebaliknya membuka ruang baru yang perlu direbut.

Beliau berkata, permintaan hasil agrikomoditi ketika ini semakin meningkat naik dan harga pasaran dijangka kekal tinggi.

Walaupun bagaimanapun katanya, kemampuan untuk memanfaatkan peluang itu terletak kepada keupayaan negara untuk terus meningkatkan produktiviti bagi memenuhi permintaan pasaran dan memanfaatkan sepenuhnya harga tinggi di pasaran global itu.

Katanya, terdapat juga cabaran lain yang dihadapi oleh industri agrikomoditi terutama sawit seperti usaha negara tertentu khususnya di benua Eropah yang cuba menyuarakan kemasukan minyak sawit negara.

"Bukan hanya sekadar dengan melancarkan kempen anti minyak sawit, kini pihak Kesatuan Eropah (EU) telah menggariskan undang-undang baharu iaitu European Union Deforestation Free Regulation (EUDR).

"EUDR boleh dikatakan satu bentuk sekatan perdagangan yang menghalang minyak sawit dari menembusi pasaran mereka.

"KPK akan mengatur langkah secara tersusun, teliti dan strategik bagi memperjuangkan hasil agrokomoditi Malaysia dapat menembusi pasaran antarabangsa secara adil dan saksama," katanya.

BH. Bisnes MS 21 27/1/23